



IKLAN JAWATAN KOSONG PERBADANAN TAMAN NEGERI PERAK

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Perak yang berkelayakan serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Perbadanan Taman Negeri Perak bagi jawatan berikut:

PEGAWAI TADBIR (PENGUATKUASAAN)

GREDE N9

Taraf: Tetap

Satu (1) Kekosongan

Penempatan: Perbadanan Taman Negeri Perak, Pejabat Gerik

Jadual Gaji : RM2,250.00 – 11,110.00

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab untuk penguatkuasaan, melibatkan aspek pengurusan, penyelarasan, pemantauan dan pentadbiran berkaitan pengurusan di Taman Negeri Perak.

Antara tugas utama yang menjadi tanggungjawab Pegawai Tadbir (Penguatkuasaan) adalah:

1. Menyelaras aktiviti dan kerja penguatkuasaan dan perlindungan, konservasi, komuniti, pelancongan, serta penyelidikan dan kesedaran
 - Merancang operasi penguatkuasaan serta aktiviti berkaitan konservasi, komuniti, pelancongan, serta penyelidikan dan kesedaran
 - Memantau penyusunan jadual serta pergerakan kakitangan.
 - Memastikan operasi berjalan mengikut prosedur dan undang-undang.
2. Pentadbiran dan pengurusan dokumen
 - Menyediakan laporan operasi, minit mesyuarat, dan surat rasmi
 - Mengurus fail kes, rekod saman, notis atau tindakan penguatkuasaan.
 - Memastikan dokumentasi lengkap dan teratur.
3. Pemantauan pematuhan undang-undang
 - Memastikan peraturan, akta, dan garis panduan dipatuhi.
 - Membantu dalam semakan prosedur operasi standard (SOP).

4. Pengurusan dan Aduan Awam
 - Menerima dan menyelaraskan aduan berkaitan pencerobohan Taman Negeri.
 - Menganalisis isu dan trend pelanggaran untuk tindakan penambahbaikan.
5. Penyelarasan bersama agensi lain
 - Berurusan dan melaksanakan kolaborasi dengan jabatan/agensi penguatkuasaan/rakan kerjasama yang berkaitan.
 - Mengekalkan perhubungan dan komunikasi rasmi antara jabatan berkaitan kerjasama dan kerja berkaitan pengurusan Taman Negeri.
6. Membantu tindakan perundangan
 - Menyediakan dokumen sokongan untuk tindakan undang-undang.
 - Berhubung dengan Pegawai Undang-undang jabatan bagi bantuan perundangan.
7. Pengurusan sumber manusia, pentadbiran, hal ehwal kewangan, aset dan perolehan.
 - Memantau kehadiran dan prestasi semua kakitangan dalam unit.
 - Memantau hal ehwal pentadbiran unit.
 - Memantau hal ehwal kewangan berkaitan unit.
 - Memantau pengurusan aset dan perolehan di bawah unit.
8. Melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa

KELAYAKAN

Calon perlu mempunyai kelayakan seperti berikut:

- Ijazah Sarjana Muda (yang diiktiraf oleh kerajaan) daripada Institusi Pengajian Tinggi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidang
 - Sains Perhutanan
 - Pengurusan Hidupan Liar
 - Konservasi Biodiversiti
 - Sains Pemuliharaan
 - Atau bidang-bidang lain yang berkaitan.
- Ijazah Sarjana Muda Kepujian (yang diiktiraf Kerajaan) daripada Institusi Pengajian Tinggi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidang di atas.
- Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang konservasi dan mempunyai kemahiran tambahan yang menjadi kelebihan :
 - Kemahiran rondaan lapangan.
 - Pengetahuan undang-undang berkaitan konservasi.
 - Pengetahuan GIS dan pemetaan.
 - Kemahiran penyediaan kertas cadangan.
 - Pengurusan pelancongan dan komuniti.
- Penguasaan Bahasa Inggeris dalam pertuturan dan penulisan untuk urusan rasmi.
- Kemahiran komunikasi dan rundingan yang tinggi adalah satu kelebihan.

KELAYAKAN, KUALITI DAN CIRI-CIRI PERIBADI

- Mempunyai minat yang mendalam dalam alam sekitar/ konservasi, hidupan liar/ pengurusan kawasan perlindungan.
- Mempunyai ciri-ciri kepimpinan, kemahiran komunikasi berkesan, pemikiran strategik dan inovatif, berintegriti dan amanah, mampu bekerja secara berdikari dan dalam pasukan, proaktif dan sentiasa berusaha.
- Umur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- Pemohon mestilah bebas dari sebarang kes jenayah / dadah juvana.
- Taraf kesihatan - sihat, tidak cacat anggota badan, dan tidak mempunyai penyakit kronik.
- Mempunyai kekuatan mental dan fizikal untuk melakukan tugas di lapangan.

CARA MEMOHON:

- Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan melalui laman sesawang <https://digital.perak.my/perjawatan>
- Hanya permohonan yang dikemukakan dalam tempoh iklan sahaja akan diproses.
- Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:

Unit Pengurusan Sumber Manusia
Perbadanan Taman Negeri Perak
No. 28, 28A & 28B, Jalan Lang Indah A/1
Pusat Perniagaan Lang Indah
30010 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-5430102

Tarikh tutup permohonan adalah pada:
5 Jun 2026 (Jumaat) jam 11.59 malam